

24 JUL 1998

TONGKAH-MGI/I

TONGKAH CADANG BELI LESEN BROKER SAHAM MGI SECURITIES

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd bercadang untuk memiliki lesen broker saham MGI Securities Sdn Bhd pada harga di antara RM60 juta dan RM70 juta menerusi anak syarikat milik penuhnya, Paksiwang Sdn Bhd.

Pemilikan itu akan dibiayai dengan hasil perolehan daripada penerbitan saham keutamaan di antara 50 juta dan 100 juta untuk dilanggni pihak ketiga, kata Pengarah Eksekutif Yeow Keng Chew kepada pemberita hari ini.

Apabila pemilikan itu diselesaikan kelak, Tongkah Holdings akan mempunyai dua lesen broker saham. Kini ia memiliki Kestrel Securities Sdn Bhd yang beroperasi di Muar, Johor.

Harga pembelian itu tidak merangkumai hutang MGI Securities, kata Yeow selepas upacara pemeteraian perjanjian kerjasama dan pembuatan di antara Tongkah Moulding Technologies Sdn Bhd dan Becton Dickinson dari Amerika Syarikat bagi pengeluaran "pemungut peralatan tajam" bagi hasil buangan perubatan seperti jarum suntikan.

Menurut Yeow, usahasama dengan Becton ini bernilai RM6 juta.

Mengenai pencapaian Tongkah Holdings, Pengerusi Eksekutifnya, Mokhzani Mahathir, berkata operasi pembuatan syarikat itu akan mencatatkan pendapatan yang merosot tahun ini akibat kelembapan dalam sektor tersebut.

Bagaimanapun, katanya, kumpulan itu berharap akan mengekalkan pencapaian tahun lepas.

Ia sedang mengukuhkan kedudukannya dan akan memperbaiki operasinya dengan meningkatkan kecekapan, katanya.

-- BERNAMA

SHO JR MA